

PERANAN KAUNSELING DALAM DAKWAH: KAJIAN
KHUSUS DI UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING
INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM)
SHAH ALAM SELANGOR

OLEH:
ABDU RAHMAN BIN IBRAHIM

Disertasi ini untuk memenuhi Ijazah
Sarjana Usuluddin Secara Disertasi

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A511290150

HALAMAN PERSEMPAHAN

Ku abadikan:

*Untuk ayah dan bondaku yang tersayang,
yang telah memberikan didikan kepada
anak-anak supaya menjadi anak yang
soleh, beriman, berilmu dan beramal.*

*Juga untuk isteri dan anak-anak yang
tersayang yang telah banyak memberikan
dorongan kepada penulis sehingga selesai
kajian ini dibuat.*

*Semoga Allah (s.w.t) memberkati segala
usaha yang telah dilakukan dengan ikhlas
dan kesabaran. Mudah-mudahan
mendapat limpah rahmat dari Allah
(s.w.t) di dunia dan di akhirat.*

ABSTRAK

ABDU RAHMAN BIN IBRAHIM. Peranan Kaunseling Dalam Dakwah: Kajian Khusus Di Unit Kerjaya Dan Kaunseling Institut Teknologi MARA (ITM)), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sejak penubuhan Unit Kerjaya dan Kaunseling pada tahun 1969 di Bahagian Hal Ehwal Pelajar ITM Shah Alam menyaksikan perkembangan yang pesat perkhidmatan kerjaya dan kaunseling di Institut Teknologi MARA (ITM) Shah Alam.

Beberapa perkhidmatan telah dilaksanakan yang merupakan elemen penting di dalam perkhidmatan kerjaya dan kaunseling. Namun persoalan yang timbul ialah adakah terdapat unsur-unsur dakwah di dalam perkhidmatannya? Persoalan ini menimbulkan dorongan dan hasrat penulis untuk mencari jawapannya.

Dengan demikian, masalah-masalah pokok yang dikaji di dalam disertasi ini ialah:

1. Sejauhmanakah sumbangan Unit Kerjaya dan Kaunseling terhadap dakwah di dalam perkhidmatannya di ITM?

2. Perkhidmatan kaunseling yang dijalankan di Unit Kerjaya dan Kaunseling banyak memberi kesan positif terhadap pelajar, kakitangan dan orang awam. Kesan positif ialah dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berakhilak mulia, berdisiplin, berkeyakinan diri serta berketrampilan dalam bidang akademik dan non akademik.
3. Respon pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling menggalakkan. Ini adalah kerana penerimaan kaunselor terhadap masalah pelajar baik dan memuaskan. Dengan ini pelajar-pelajar yakin bahawa Unit Kerjaya dan Kaunseling merupakan satu alternatif untuk mencari penyelesaian.
4. Walaupun sambutan pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling baik dan memuaskan, usaha dakwah terhadap pelajar perlu ditekankan. Untuk lebih menarik perhatian sasaran, metode dakwah dalam kaunseling hendaklah diberi penekanan kepada penyelesaian kefaham dan pemikiran yang mereka hadapi dengan bentuk dan saluran yang menarik. Itulah pendekatan dakwah yang telah digariskan oleh al-Qur'an. Di samping itu, kaunseling dalam bentuk kebijaksanaan, pengajaran dan nasihat yang baik serta perbincangan yang baik akan dapat menarik perhatian klien.

5. Kaunseling dalam membantu menyelesaikan masalah pelajar, ada menggunakan pendekatan Islam. Dengan tidak secara langsung ia merupakan satu usaha dakwah untuk mengajak sasaran ke arah kebaikan dan petunjuk.
6. Kaunseling kepada pelajar, jika dilakukan dengan baik dan sempurna, sebagaimana yang digariskan oleh al-Qur'an, akan menghasilkan natijah dan pulangan yang baik dan sempurna.
7. Kaunselor yang mengetahui dakwah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya akan dapat memberi sumbangan yang besar sebagai saluran yang boleh diaplikasikan di dalam kaunseling.
8. Terdapat unsur-unsur dakwah di dalam perkhidmatan kaunseling. Ini dapat dibuktikan bahawa perkhidmatan yang dilaksanakan itu menjurus kepada usaha-usaha untuk kebaikan individu.

ABSTRACT

ABDU RAHMAN BIN IBRAHIM. The Role Of Counselling In Dakwah Islamiyyah: Specific Study In Counselling And Career Guidance Unit Of The Institute Of Technology MARA (ITM) Shah Alam, Selangor, Darul Ehsan.

Eversence its establishment in 1969, the Counselling and Career Guidance Unit at Student Affair Division ITM Shah Alam has witnessed the development of the vocational and counselling services in ITM Shah Alam.

Numerous services which were the important elements in vocational guidance and counselling had been implemented. However, it is still questionable whether the elements of dakwah were embedded in all the services carried out? These questions had urged the writer to find the answers.

With reference to this, the main problems being studied in this dissertation are:

- i. With reference to its counselling services in ITM, what are the contributions of and the positive out comes of those services?

- ii. What are previous and the current services done by this unit and the positive outcomes of these services?

- iii. Are the elements of dakwah embedded in the services done by the Counselling and Career Guidance Unit.

In order to answer the above problems, the writer conducted a research using several models. This includes method sampling, collecting data, interview and analysing data.

From the study, the writer found that:

- i. Counselling and Career Guidance Unit ITM Shah Alam did contribute towards dakwah Islamiyyah for the students as well as the staffs.

- ii. The counselling services done by Counselling and Career Unit were effective on the students, the staff and the public as well. The positive effects were that it helped produce good mannered, well disciplined and confident students. The students were also found to be competent in the academic and non academic areas.

- iii. Students' responses toward the counselling services were very encouraging. This was due to the fact that the counsellors are able to tackle the students' problems satisfactorily. Hence, the students have confidence to consult the counselling and Career Unit as the alternative to solve their problems.
- iv. Although students' responses towards counselling services in satisfactory, the efforts of dakwah towards students should be emphasised to gain the target groups' interests, the dakwah in counselling methods should emphasise more on the attractive ways the problem solving. That is the approach suggested in the al-Qur'an. Beside that, counselling done wisely, the good advice given and the fruitful discussion will definitely attract more clients.
- v. In helping the students solve their problems, counselling did use the Islamic approach. In directly, it is the dakwah ways and means to persuade the target group towards the good and rightness way of life.
- vi. Students' counselling, if properly done as proposed by al-Qur'an, will promise good and perfect returns.

- vii. Counsellors who are knowledgeable about dakwah and its related study will be able to apply it in their counselling activities.

- viii. Elements of dakwah is obvious in counselling. This is evident in the services provided, which aim at improving individuals.

PENGHARGAAN

Penulis melafazkan rasa syukur ke hadhrat Allah (s.w.t) kerana di atas limpah taufiq dan hidayah-Nya, telah memberikan kelapangan kesabaran kepada penulis di dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Melalui halaman ini, sebagai rakaman penghargaan peribadi, penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga pertamanya kepada penyelia disertasi ini iaitu Prof. Madya Dr. Abd Aziz bin Mohd Zin yang telah melapangkan masa yang begitu banyak untuk membimbing penulis dalam menyiapkan kajian ini. Beliau ialah Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Segala usaha, teguran, tunjuk ajar dan masa yang diberikan bagi menyiapkan disertasi ini merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai harganya. Tanpa bimbingan dan bantuan serta dorongan beliau, disertasi ini tidak dapat disiapkan seperti yang ada sekarang ini.

Penulis juga merakamkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya amnya dan Bahagian Pengajian Usuluddin khususnya, terutamanya kepada bekas Ketua Akademi Pengajian Islam Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah kerana memberi peluang Sarjana berdasarkan ketentuan yang ada.

Penulis terhutang budi kepada banyak pihak yang telah memberikan panduan dan tunjuk ajar bagi menyiapkan disertasi ini. Mereka yang dimaksudkan itu ialah, Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Prof. Madya Mohd. Kamil Hj. Ab Majid, (Timbalan Pengarah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Profesor Dr. Hassan Langgulung (Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa, Sungai Pusu, Gombak), Dr. Sidiq Baba (Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Nik Aziz Nik Pa (Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya), Encik Mohd Thanthawi Jauhari Hj. Ahmad (Ketua Unit Kerjaya dan Kaunseling Institut Teknologi MARA, Shah Alam), Puan Rokoah Mahmood (Kaunselor Institut Teknologi MARA, Shah Alam), Puan Zaiton Hj. Ahmad (Kaunselor Unit Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi MARA, Shah Alam), En. Mohd Adnan (Kaunselor Unit Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi MARA, Shah Alam), Haji Abdul Hamid Kamaruddin (Kaunselor Unit Kerjaya dan Kaunseling), Institut Teknologi MARA, Shah Alam), Encik Mohd Zain Abd. Kader (Ketua Unit Kaunseling dan Pengembangan Kerjaya, Universiti Malaya), Puan Fauziah Yaakob (Kaunselor Unit Kaunseling dan Pengembangan Kerjaya, Universiti Malaya), Puan Hajjah Noraini Ahmad (Ketua Unit Kaunseling dan Pengembangan Kerjaya, Universiti Islam Antarabangsa), Puan Hajjah Zuraidah Abdul Rahman (Bekas Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Institut Aminuddin Baki),

Encik Mohd Nawawy Jusoh (Kaunselor Unit Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi MARA Pahang), Encik Mohd Daud Norakid (Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia), dan Encik Abdul Wahab Abd. Jalil (Kaunselor Yayasan Dakwah Islamiyah, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih diberikan kepada Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Awam Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak Institut Teknologi MARA Shah Alam, Perpustakaan Pusat Dakwah Negeri Pahang, Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Lembaga Perancang Penduduk dan Keluarga Negara, Perpustakaan Maktab Perguruan Teruntum, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Umum Propinsi Sumatera Utara Indonesia, Perpustakaan Fakulti Dakwah InAgama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Indonesia, Perpustakaan Institut Teknologi MARA Cawangan Pahang dan Perpustakaan Awam Bandar Jengka kerana telah memberi kemudahan dan pinjaman buku-buku kepada penulis.

Pada kesempatan yang terakhir ini penulis mengucapkan terima kasih keapda Bahagian Latihan dan Biasiswa dan Bahagian Perkhidmatan dan

Pentadbiran Institut Teknologi MARA kerana memberikan biasiswa dan cuti belajar semasa di dalam perkhidmatan di Institut Teknologi MARA (ITM).

Segala khidmat nasihat dan sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak untuk menyiapkan disertasi ini, sama ada secara langsung atau tidak secara langsung didoakan semoga akan diberikan ganjaran pahala yang sewajarnya.

Mudah-mudahan disertasi ini dapat memberikan sumbnagan yang berguna kepada kaunselor-kaunselor dan juga kepada pendakwah Muslim yang bergiat di dalam profesion kaunseling dakwah.

Akhir sekali, penulis berdoa agar Allah (s.w.t) memberkati dan merestui usaha penulis ini. Insya Allah.

Amin Ya Rabbal al-'Alamin.



Abdu Rahman bin Ibrahim
Institut Teknologi MARA (ITM)
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Jalan Lintasan Semarak
26400 Bandar Jengka
Pahang Darul Makmur.

JADUAL TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam disertasi ini berdasarkan sistem ejaan bahasa Malaysia.¹ Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ب	b
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	c
ث	th	غ	gh
ج	dj	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	š	ء	h/t
ض	d	آل	al

¹Dewan Bahasa dan Pustaka, *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, (Edisi Kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988.

Vokal pendek:

a /
i /
u /

Diftong:

aw /
ay /

Vokal panjang:

ā / ī /
ī / ū /

Tanwin:

an /
in /
un /

Kaedah transliterasi tidak digunakan bagi perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan, iaitu dengan merujuk kepada penggunaan perkataan tersebut berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996).²

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam disertasi ini berdasarkan terjemahan Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Bahagian Agama Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1983.

²Hajah Noresah bte Bahrom (et.al), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur, 1996.

1. “ ﴿ yang terdapat dalam satu susunan, maka “ ﴾ itu sama dengan t.
2. “ ﴿ ﴾ = al
3. “ ﴿ ﴾ yang sebelumnya berbaris di bawah = ’ i

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam disertasi ini berdasarkan terjemahan Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih, *Tafsiran Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Bahagian Agama Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1983.

SINGKATAN KEPENDEKAN

(a.s)	`Alaihi al-Salam
bil.	Bilangan
cet.	cetak
Dr.	Doktor
dll.	dan lain-lain
dkk	dan kawan-kawan
dsb	dan sebagainya
ed.	Edited
H.	hijrah
hal.	halaman
hb.	Haribulan
Ibid	pada tempat yang sama
ITM	Institut Teknologi MARA
jil.	Jilid
loc.cit	in the place cited
m.	meninggal
M.	Masihi
muj.	Mujallid
no.	number
op.cit	in the word cited
Peny.	Penyunting

Prof.	Profesor
(s.a.w)	Salla Ilahu `alayhi wa Sallam
(s.w.t)	Subhanahu wa Ta'ala
terj.	Terjemahan
th	tahun
t.t.	tanpa tarikh
t.hal	tanpa halaman
t.k	tanpa kata
UKK	Unit Kerjaya dan Kaunseling
vol.	volume

PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي اخْتَارَ لَنَا الْإِسْلَامَ دِينًا وَجَعَلَ السُّعْيَدَ مِنْ وَقَتِّ عِنْدَ حُدُورِهِ
رَثَابَ يَادِيهِ وَالصَّلَةَ وَاللَّاءُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي أَرْسَلَ اللّٰهُ شَاهِدًا
رَمِيزًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًّا إِلَى اللّٰهِ يَادِينَ وَسِرَاجًا مُبِيزًا وَعَلَى اللّٰهِ وَصْنِيفَ نُجُومَ الْهَذِي
وَمُؤْمِنُ الْبَرْقَانِ.

Segala puji hanya tertentu kepada Allah (s.w.t), serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w) kaum keluarga serta para sahabatnya. Setinggi-tinggi puji bagi Allah (s.w.t) yang telah memberikan taufiq dan hidayat-Nya kepada penulis sehingga disertasi ini dapat disiapkan.

Institut Teknologi MARA (ITM), telah ditubuhkan pada tahun 1956 bertempat di Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Pada peringkat awalnya ia dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan. Sebagai permulaan kursus perusahaan tangan telah diadakan kepada 24 orang belia yang berpendidikan bahasa Inggeris dari luar bandar.

Dalam tahun 1965, Dewan Latihan RIDA telah ditukarkan namanya menjadi Maktab MARA dan kemudiannya dinamakan Institut Teknologi MARA atau singkatnya ITM sempena dengan perletakan batu asas kampus

tetapnya yang terletak di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada 14hb. Oktober, 1967.

Sejak penubuhannya, bilangan pelajar telah bertambah dari masa ke semasa. Ini memerlukan kepada bimbingan pelajar dan kerjaya kepada pelajar-pelajar. Dalam melaksanakan bimbingan dan khidmat nasihat, ITM telah menubuhkan Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Tujuannya adalah untuk memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kaunseling keapda pelajar-pelajar berhubung dengan masalah akademik, kerjaya, sosial, peribadi dan sebagainya.

Dalam usaha memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar, terdapat persoalan adakah terdapat unsur-unsur dakwah di dalam perkhidmatan yang dilaksanakan di UKK.

Persoalan di atas telah menimbulkan minat penulis untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang peranan kaunseling dalam dakwah dan sumbangan UKK dalam dakwah. Untuk mencapai maksud di atas, di dalam kajian ini penulis menekankan dua aspek yang utama, iaitu penekanan kepada aspek peranan kaunseling dalam dakwah yang merupakan salah satu alat yang boleh digunakan untuk dakwah. Seterusnya penekanan kepada peranan UKK untuk dakwah.

Kajian ini dibataskan di Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam, Selangor. Pembatasan tersebut dibuat memandangkan UKK merupakan kampus induk bagi seluruh sistem ITM.

Dalam menyiapkan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode. Metode-metode itu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

i. Metode Penentuan Subjek

Yang dimaksudkan dengan subjek ialah kelompok orang atau benda yang dikaji. Dengan itu, metode penentuan subjek bererti bagaimana cara sesuatu benda yang hendak dikaji itu ditentukan.¹

Untuk menentukan subjek kajian, penulis menggunakan metode persampelan. Metode ini digunakan untuk menentukan subjek-subjek yang menjadi sampling kepada kajian. Metode sampling digunakan kerana besarnya populasi yang menjadi subjek penelitian.²

¹ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Terj: Hashim Awang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hal. 121.

² Imam Barnadid, *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, Indonesia, 1982, hal. 51.

Pada asasnya persampelan membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian kumpulan yang lebih besar. Kumpulan yang lebih besar ini dikenali sebagai populasi.³

Sebagai contoh, penyelidik ingin mengetahui pendapat pelajar universiti terhadap Akta Universiti dan Kolej (AUKU). Keseluruhan komuniti pelajar universiti itu merupakan populasi. Sebahagian daripada keseluruhan pelajar atau responden yang dipilih dalam kajian adalah merupakan sampel.⁴

Responden yang dipilih itu dikenali sebagai elemen di dalam sample. Prinsip persampelan yang diamalkan adalah berdasarkan konsep kebarangkalian dan setiap elemen yang dipilih mempunyai peluang yang sama.⁵

ii. Metode Pengumpulan Data

Data boleh diertikan sebagai butir maklumat yang memberikan gambaran tentang satu kejadian atau persoalan.⁶ Ia dikumpul dan dianalisis

³*Ibid.*, hal.52.

⁴ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hal. 42.

⁵ *Ibid.*, hal. 46.

⁶ Bailey, *op.cit.*, hal. 765.

dalam sesuatu kajian. Termasuk dalam data ialah perkataan, surat, rajah, carta, kertas undi, bacaan meter dan sebagainya.⁷

Data yang baik ialah data yang benar, lengkap dan dapat digunakan secara luas. Ia boleh memberikan gambaran tentang sesuatu masalah secara menyeluruh.⁸

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi penulisan kajian ini. Untuk mendapatkan data-data yang *relevan* dengan tajuk kajian, beberapa metode lain digunakan. Antaranya metode sejarah, metode dokumentasi, metode temubual dan metode pemerhatian.

iii. Metode Analisis Data

Dengan adanya data-data yang terkumpul yang didapati melalui cara-cara yang tersebut di atas, penulis kemudiannya melakukan penganalisaan terhadap data-data tersebut.

⁷ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hal. 259.

⁸ Awang Muhammad Amin, *Satu Kajian Khusus Penggunaan Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah*, cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hal. 56.

Dari keterangan-keterangan di atas, satu kesimpulan dapat dibuat bahawa penulis telah menggunakan beberapa metode penyelidikan yang digunakan pada masa sekarang dalam sesuatu kajian. Dengan hal yang demikian, hasil penemuan dari kajian ini diharap memuaskan dan tidak dapat dipertikaikan kesahihannya.

Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis membahagikan penulisan ini kepada enam bab. Bab pertama penulis membincangkan mengenai kaunseling dan dakwah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Bab kedua perbincangan mengenai peranan kaunseling dalam dakwah. Di dalam bab ini penulis memfokuskan tentang kedudukan kaunseling dari perspektif Islam dan pendekatan kaunseling dalam Islam. Selanjutnya penulis mengetengahkan kepentingan kaunseling untuk dakwah.

Manakala bab ketiga perbincangan mengenai peranan dan fungsi Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) Institut Teknologi MARA (ITM). Di dalam bab ini penulis menjelaskan tentang latar belakang penubuhan, tujuan, struktur organisasi dan perkhidmatan unit.

Di dalam bab keempat pula perbincangan tertumpu kepada kes-kes kaunseling dan hubungannya dengan dakwah. Di dalam bab ini penulis kemukakan beberapa kes yang dikemukakan kepada kaunselor dalam menangani masalah tersebut. Di dalam bab ini juga penulis mengetengahkan

keterlibatan dakwah dalam menangani masalah tersebut. Akhirnya penulis menjelaskan pula tentang sikap dan pandangan pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di UKK.

Bab kelima membincangkan tentang peranan Unit Kerjaya dan Kaunseling untuk dakwah. Untuk mengetahui peranan UKK untuk dakwah penulis meneliti segala aktiviti atau program yang telah dilaksanakan oleh unit. Di samping itu dijelaskan juga tentang aktiviti atau program yang patut dilaksanakan untuk dakwah.

Bab keenam merupakan bab terakhir yang merupakan kesimpulan dan saranan sebagai hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan.

Akhir sekali diharapkan kajian ini dapat memberikan sesuatu yang bermakna kepada semua mereka yang berkhidmat di bidang kaunseling dan dakwah Islamiyyah. Mudah-mudahan kajian ini diberkati oleh Allah (s.w.t).

DAFTAR ISI

Kandungan	Halaman
Halaman Persembahan	i
Abstrak	ii
Abstract	v
Penghargaan	ix
Jadual Transliterasi	xiii
Singkatan Kependekan	xvi
Pendahuluan	xviii
Daftar isi	xxv
Bab Pertama: Pengenalan Asas Kepada Konsep Kaunseling Dan Dakwah	1
1.1. KAUNSELING	1
1.1.1 Definisi Kaunseling	1
1.1.2 Tujuan Kaunseling	4
1.1.3 Keperluan Kepada Kaunseling	7
1.1.3.1 Masalah Sosioemosi	8
1.1.3.2 Masalah Akademik	9
1.1.3.3 Masalah Kerjaya	11
1.1.3.4 Masalah Peribadi	11
1.1.3.5 Masalah Keluarga	13

1.1.3.6 Masalah Penyesuaian Diri	14
1.1.4 Jenis-jenis Kaunseling	15
1.1.4.1 Kaunseling Krisis	16
1.1.4.2 Kaunseling Pembekal Kemudahan	17
1.1.4.3 Kaunseling Pencegahan	18
1.1.4.4 Kaunseling Perkembangan	19
1.1.5 Bentuk-bentuk Kaunseling	20
1.1.5.1 Kaunseling Individu	20
1.1.5.1.1.Definisi Kaunseling Individu	21
1.1.5.1.2.Ciri-ciri Kaunseling Individu	23
1.1.5.2 Kaunseling Kelompok	24
1.1.5.2.1.Definisi Kaunseling Kelompok	25
1.1.5.2.2.Tujuan Kaunseling Kelompok	26
1.1.5.2.3.Peringkat-peringkat Kaunseling Kelompok	29
Pertama: Peringkat Permulaan Kelompok	29
Kedua: Peringkat Konflik Dan Pertentangan	29
Ketiga: Peringkat Perkembangan Hubungan Rapat Dan Integrasi	30
Keempat: Peringkat Penyelesaian Masalah	31
Kelima: Peringkat Keputusan/ Peraturan/Penamatan	32

1.2	DAWKAH	33
1.2.1	Definisi Dakwah	33
1.2.2	Tujuan Dakwah	41
1.2.3	Isi Dakwah	43
1.2.4	Tuntutan Berdakwah Dan Hukumnya	48
1.2.4.1	Fardu 'Ain	49
1.2.4.2	Fardu Kifayah	57
1.2.5	Sasaran Dakwah	61
1.2.5.1	Golongan Yang Bukan Islam	63
1.2.5.2	Golongan Orang Islam	69
1.2.6	Metode Dakwah	72
1.2.6.1	<i>Al-Hikmah</i> (Kebijaksanaan)	74
1.2.6.2	<i>Al-Maw'izah Al-Hasanah</i> (Pengajaran Nasihat Yang Baik)	77
1.2.6.3	<i>Al-Mujadalah Bi Al Lati Hiya Ahsan</i> (Perbincangan Dengan Cara Yang Lebih Baik)	79
1.2.7	Media Dakwah	89
1.2.7.1	Dakwah Melalui Lisan	94
1.2.7.2	Dakwah Melalui Tulisan	102
1.2.7.3	Dakwah Melalui Amal Perbuatan	103
1.2.7.4	Dakwah Melalui Contoh Akhlak yang Baik	105
1.3	RUMUSAN	109

Bab Kedua: Peranan Kaunseling Dalam Dakwah	112
2.1 Definisi Kaunseling Menurut Perspektif Islam	112
2.2 Kepentingan Dan Tujuan Kaunseling Islam	116
2.3 Prinsip-prinsip Kaunseling Islam	119
2.4 Pendekatan Kaunseling Dalam Islam	123
2.5 Kedudukan Kaunseling Individu dan Kelompok Dari Perspektif Islam	139
2.6 Kepentingan Kaunseling Untuk Dakwah	147
2.6.1 Pembinaan Rohani Yang Murni	148
2.6.2 Pembentukan Jasmani Yang Sihat	163
2.6.3 Pembentukan Akal Yang Waras	173
2.6.4 Pembentukan Akhlak Yang Mulia	181
2.6.5 Kesedaran Kepada Matlamat Kehidupan Manusia	192
2.6.6 Dorongan Beriman Dan Beramal Soleh	201
2.6.7 <i>Al-Amr Bi al Ma'ruf Wa al-nahy `an al-Munkar</i>	208
2.6.8 Penjelasan Tentang Konsep Jihad: Berjuang Pada Jalan Allah (s.w.t)	216
2.6.9 Penjelasan Tentang Konsep Ibadah Dalam Islam	222
2.6.9.1 Definisi Ibadah	224
2.6.9.2 Skop Ibadah Dalam Islam	228
2.6.9.2.1 Ibadah Khusus	228
2.6.9.2.2 Ibadah Umum	230
2.6.9.3 Tuntutan Hukum Dalam Ibadah	232

	2.6.9.4 Ciri-ciri Ibadah Dalam Islam	233
	2.6.9.4.1 Sebagai Hamba Berhubung Langsung Dengan Allah (s.w.t)	233
	2.6.9.4.2 Ibadat Dapat Dilakukan Di Mana Sahaja Tanpa Dikhususkan Tempatnya	237
	2.6.9.4.3 Seluruh Kegiatan Manusia Dinilai Sebagai Ibadat	239
2.7	Sifat-Sifat Kaunselor Muslim	241
	2.7.1 Penerimaan Dan Kemesraan	241
	2.7.2 Tidak Menghukum	243
	2.7.3 Tenang, Sabar Dan Berterus Terang	244
	2.7.4 Ketepatan Masa Dan Kerahsiaan	245
	2.7.5 Keperibadian Yang Unggul	246
Bab Ketiga:	Peranan Dan Fungsi Unit Kerjaya Dan Kaunseling ITM Shah Alam	252
3.1	Latar Belakang Penubuhan	252
3.2	Matlamat Penubuhan	253
3.3	Pentadbiran Dan Struktur Organisasi	255
3.4	Peranan Dan Fungsi Unit	256
	 3.4.1 Perkhidmatan Kaunseling	257
	3.4.1.1 Kaunseling Individu	259

3.4	Peranan Dan Fungsi Unit	256
3.4.1	Perkhidmatan Kaunseling	257
3.4.1.1	Kaunseling Individu	259
3.4.1.2	Kaunseling Kelompok	264
3.4.1.3	Kaunseling Memberi Maklumat	269
3.4.1.4	Ceramah/Bengkel Kaunseling Pembangunan Diri	269
3.4.1.5	Kursus Teknik Asas Kaunseling/Psikologi	269
3.4.1.6	Perkhidmatan Hot Line/Surat Menyurat	270
3.4.1.7	Perkhidmatan Rujukan/Sokongan/ Kes-kes Kaunseling	271
3.4.1.8	Program Kaunseling Khidmat Masyarakat	271
3.4.2	Perkhidmatan Kerjaya	273
3.4.2.1	Program Dan Penempatan Pekerjaan (PPP)	275
3.4.2.2	Program Pembangunan Kerjaya (PPK)	277
3.4.2.3	Maklumat Melanjutkan Pelajaran	278
3.4.2.4	Program Lawatan Industri/Perhubungan Industri	279
3.4.2.5	Program Kerjaya Dengan Pihak Luar	281
3.4.3	Perkhidmatan Latihan Kemahiran Belajar	282
3.4.3.1	Bengkel Kemahiran Belajar Berkelompok	282
3.4.3.2	Klinik Kemahiran Belajar	283
3.4.3.3	Tutor Rakan Sebaya	283

3.4.5 Perkhidmatan Ko-Kurikulum	286
3.4.5.1 Ko-Kurikulum Kaunselor Rakan Sebaya	287
3.4.5.2 Ko-Kurikulum Pengucapan Awam	289
3.4.5.3 Ko-Kurikulum Asas Bina Negara (ASABINA)	290
Bab Keempat: Kajian Kes Kaunseling Dan Dakwah	294
4.1 Kajian Kes Masalah Pelajar	295
4.1.1 Masalah Pergaulan: Pelajar A	295
4.1.2 Masalah Akademik: Pelajar B	297
4.1.3 Masalah Belajar Dengan Muzik: Pelajar C	300
4.1.4 Masalah Peribadi: Pelajar D	302
4.1.5 Masalah Keluarga: Pelajar E	304
4.2 Implikasi Dakwah	308
4.2.1 Perbincangan	308
4.2.2 Memberi Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik	313
4.2.3 Memberi Peringatan	317
4.2.4 Bertaqwa Dan Bertawakkal Kepada Allah (s.w.t)	319
4.2.5 Pendedahan Kendiri	322
4.2.6 Memberi Perhatian	326
4.2.7 Kemahiran Menyoal	329
4.3 Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Di Unit Kerjaya Dan Kaunseling	331

Bab Kelima: Peranan Unit Kerjaya Dan Kaunseling Institut Teknologi MARA (ITM) Untuk Dakwah	347
5.1 Ceramah Pembentukan Akhlak	348
5.2 Bengkel Tingkal Laku Sosial	352
5.3 Ceramah Pekerja Dan Etika	356
5.4 Ceramah Akhlak Dalam Islam	360
5.5 Ceramah Pengurusan Masa Dari Perspektif Islam	361
5.6 Latihan Pembangunan Kakitangan	363
5.7 Kursus Motivasi	365
5.8 Projek Khidmat Masyarakat	367
Bab Keenam: Kesimpulan dan Penutup	373
6.1 Kesimpulan	373
6.2 Saranan	380
Bibliografi	
Lampiran	